



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

RABU
21 Januari 2026



Akhbar	Kosmo!
Tarikh	21 Januari 2026
Ruang	Negara!
Muka Surat	7

Sultan Ibrahim berkenan lulus lapan akta – Johari

KUALA LUMPUR – Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim berkenan meluluskan lapan akta pada Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Parlimen Ke-15 pada 6 Oktober hingga 18 Disember 2025.

Perkara itu dimaklumkan oleh Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul, sebelum sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri bermula pada persidangan Dewan Rakyat semalam.

"Akta-akta yang diperkenalkan itu adalah Akta Perikanan (Pindaan) 2025, Akta Pekerja Gig 2025, Akta Kredit Pengguna 2025 dan Akta Perbekalan 2026.

"Turut diluluskan Akta Kewangan 2025, Akta Langkah-Langkah Bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2025, Akta Agensi Persendirian (Pindaan) 2025 serta Akta Anti-buli 2025," katanya.

Pada persidangan itu juga, Johari turut sekali lagi mengingatkan semua Ahli Parlimen supaya sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta memegang teguh prinsip kesopanan dan kesusilaan ketika berada dalam dewan.

"Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat memegang teguh

prinsip kesopanan dan kesusilaan seperti yang diikrarkan tadi apabila berada dalam Dewan yang mulia ini, dalam setiap tindakan dan ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat.

"Di samping itu, Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semalam (kelmarin) telah memberi peringatan mengenai peranan Ahli Yang Berhormat.

"Oleh itu, saya sekali lagi mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat," katanya.



SULTAN IBRAHIM semasa Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen ke-15 di Dewan Rakyat kelmarin. – JABATAN PENERANGAN